

Pengaruh Media Terhadap Perubahan Budaya Politik Melayu Kontemporari

MUHAMMAD AQIL SHARULLIZAM
MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF*
MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH*
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat telah membuatkan budaya politik Melayu berkembang ke arah yang lebih aktif pada masa kini. Kehadiran media juga telah membuka ruang dan meningkatkan lagi keterlibatan masyarakat dalam arena politik negara. Dalam pada itu, kajian-kajian lepas banyak membincangkan aspek media terhadap perkembangan budaya politik. Namun begitu, terdapat kesenjangan antara kajian lepas dalam mengumpulkan bahan-bahan kajian ini secara sistematik terutamanya dalam membincangkan aspek pengaruh media terhadap perubahan budaya politik Melayu. Timbul persoalan dalam kajian ini tentang bagaimana media mempengaruhi perubahan budaya politik khususnya kepada masyarakat Melayu kontemporari. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengenal pasti pengaruh media terhadap pembentukan budaya politik Melayu menerusi kajian-kajian lepas yang dijalankan. Pengumpulan data kajian dilakukan secara kualitatif dengan berpandukan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analysis* (PRISMA, 2020). Data yang diperolehi kemudiannya menggunakan empat proses utama PRISMA iaitu pengenalpastian, penapisan, kelayakan dan penerimaan. Hasil dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti tema yang sesuai. Perkara ini penting untuk memastikan data yang menjurus terhadap sesebuah etnik dapat dikenal pasti dengan tepat. Dapatan kajian mendapati tiga tema tentang pengaruh media terhadap perubahan budaya politik Melayu kontemporari iaitu peralihan media maklumat, penyebaran naratif serta perbezaan pemikiran politik. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa media memberikan kesan dualistik kepada sikap, penglibatan dan pemikiran masyarakat. Penggunaan tanpa literasi media juga akan menjejaskan budaya politik sesebuah masyarakat sekaligus menjejaskan keharmonian politik negara.

Kata kunci: *Pengaruh, budaya, politik, Melayu, media.*

The Influence of Media on the Transformation of Contemporary Malay Political Culture

ABSTRACT

The development of information technology has led to the Malay political culture becoming more active today. The presence of the media has also opened up space and further increased public involvement in the country's political arena. Meanwhile, previous studies have extensively discussed the media's impact on the development of political culture. However, there is a gap between the literature review in systematically collecting the materials for this study, especially in discussing the influence of media on changes in Malay political culture. A question arose in this study regarding how the media influences political cultural change, particularly for contemporary Malay society. Therefore, the aim of this study is to identify the influence of media on the formation of Malay political culture through previous studies that have been conducted. Data collection for the study was conducted

*Corresponding author: likhasari@gmail.com

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2026-4202-04>

Received: 14 July 2025 | Accepted: 21 October 2025 | Published: 30 June 2026

qualitatively, guided by the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA, 2020). The data obtained was then processed using the four main PRISMA processes: identification, screening, eligibility, and inclusion. The study findings were then analysed using thematic analysis to identify relevant themes. This is important to ensure that data pertaining to an ethnic group can be accurately identified. The study findings revealed three themes regarding the influence of media on contemporary Malay political cultural change information is media transition, narrative dissemination, and differences in political thought. The study results also show that the media has a dualistic effect on people's attitudes, engagement, and thinking. Use without media literacy will also affect a society's political culture and, consequently, the country's political harmony.

Keywords: *Influence, culture, politic, Malay, media.*

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat kini telah mengubah corak kehidupan dan pemikiran manusia. Di satu sisi, media berfungsi sebagai sumber maklumat mengenai calon, aktiviti, dan perubahan politik global (Dobratz et al., 2012). Di peringkat antarabangsa, pilihan raya presiden Amerika Syarikat 2024 menunjukkan media menyumbangkan peranan yang cukup besar kepada kemenangan Donald Trump. Kerjasama antara Trump dan Elon Musk yang juga pemilik kepada aplikasi X (dahulu Twitter) dan Tesla telah memberi impak kepada perubahan politik Amerika Syarikat sehingga berjaya mengubah persepsi dan tingkah laku pengundi di Amerika Syarikat (Ye et al., 2024)

Pemilihan presiden ini bakal menentukan bagaimana pendirian Amerika Syarikat terhadap isu sejangkit yang secara tidak langsung akan mempengaruhi polisi setiap negara. Pada tahun 2016, salah satu entiti daripada "*Big Data*" iaitu "*Cambridge Analytica*" secara langsung menyatakan bahawa mereka terlibat dalam mempromosikan kempen digital Donald Trump dan seterusnya membantu kemenangannya sebagai Presiden Amerika Syarikat pada pilihan raya 2016 (Tapsell, 2020). Dalam erti kata lain, media sememangnya membawa pengaruh yang cukup besar dalam meraih sokongan kepada masyarakat kontemporari.

Kepesatan penggunaan media juga berlaku di negara-negara membangun yang lain termasuk Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) penggunaan internet melalui jalur lebar mudah alih telah mencapai sebanyak 96.4% manakala 99.3% mempunyai akses kepada telefon bimbit. Berdasarkan statistik tersebut, berlaku peningkatan yang begitu pesat dalam penggunaan internet di Malaysia. Ini menggambarkan kebergantungan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks akademik, ramai sarjana telah membincangkan penggunaan dan perkembangan media dalam pelbagai bidang termasuk politik. Namun begitu, terdapat kesenjangan antara kajian lepas dalam mengumpulkan bahan-bahan kajian ini secara sistematik terutamanya dalam aspek pengaruh media terhadap perubahan budaya politik Melayu. Timbul persoalan dalam kajian ini tentang bagaimana media mempengaruhi perubahan budaya politik khususnya kepada masyarakat Melayu kontemporari. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengenal pasti pengaruh media terhadap pembentukan budaya politik Melayu menerusi kajian-kajian yang dijalankan.

PENGARUH MEDIA DAN BUDAYA POLITIK MELAYU

Media dan politik mempunyai keterkaitan antara satu sama lain. Media telah sebagai alat penyebaran maklumat tentang isu semasa yang berlaku di dalam arena politik serta digunakan sebagai rujukan dalam kalangan masyarakat. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jurang antara kajian-kajian lepas mengenai pengaruh media terhadap perubahan

budaya politik Melayu. Fokus diberikan kepada pengaruh media adalah untuk memahami bagaimana alat ini mampu mengubah atau mengekalkan budaya politik dalam sesebuah masyarakat.

Sejak tahun 2018 sehingga 2025, kajian yang berfokus kepada etnik Melayu adalah terhad. Kebanyakan kajian yang ditemui melibatkan tiga etnik di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Tempoh tersebut menjadi titik perubahan yang besar dalam politik Malaysia sewaktu pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke 14 dan 15. Sebahagian besar kajian yang dikaji melibatkan populasi campuran yang merangkumi tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Penumpuan terhadap etnik penting kerana masyarakat Melayu merupakan kumpulan etnik majoriti di Malaysia, dan tingkah laku politik mereka sering menjadi penentu kepada keputusan pilihan raya. Oleh itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis bagaimanakah media berperanan dalam menentukan sikap dan tingkah laku politik terhadap masyarakat Melayu. Hal ini kerana, masyarakat Melayu merupakan penyumbang terbesar dalam pengundian pilihan raya dan secara tidak langsung menjadi penentu kepada pembentukan kerajaan.

a) Konsep Pengaruh Media

Ledakan maklumat telah mewujudkan suasana baharu dalam memahami hal ehwal politik negara. Marshelayanti Razali dan Nafisah Ilham (2021) menyatakan bahawa media terbahagi kepada dua iaitu media tradisional dan media baharu. Jika dahulu, media tradisional menjadi satu-satunya alat untuk menyampaikan maklumat. Namun kini, kewujudan platform digital baru seperti media sosial telah banyak mengubah fahaman dan tingkah laku masyarakat terhadap politik. Roslizawati dan Benny (2022) menyatakan media sosial ini merangkumi Facebook, Twitter, Instagram, Telegram, dan YouTube yang mana digunakan secara meluas dalam membahaskan dan mengkritik isu-isu politik. Pada masa kini, algoritma penggunaan media sosial tertumpu pada aplikasi Tik Tok. Mohd Rahimi et al. (2024) mendapati sebanyak 82.9 peratus responden menjadikan Tik Tok sebagai sumber maklumat utama masyarakat.

Pengaruh media juga telah mempengaruhi trend pengundian masyarakat Melayu. Sewaktu Pilihan Raya Umum (PRU) ke 12, Barisan Nasional (BN) menerima kritikan melalui internet seperti blog yang akhirnya mempengaruhi trend pengundian (Nur Ellyanis & Junaidi Awang, 2020). Kemenangan Perikatan Nasional dalam PRU 15 juga memperlihatkan persaingan sengit antara parti apabila berjaya meraih 74 kerusi hasil daripada strategi yang digunakan. Salah satu strategi yang digunakan adalah menggiatkan kempen melalui media sosial seperti TikTok. Adibah dan Jamaie (2023) menyatakan bahawa "*content*" yang dicipta oleh Perikatan Nasional (PN) telah berjaya memikat semua lapisan pengundi termasuklah pengundi atas pagar.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Harian Metro, 2025) telah menurunkan sebanyak 24,791 kandungan palsu serta 6,480 kandungan jelik berkaitan isu 3R (*Race, Religion* dan *Royalty*) bagi tahun 2022 sehingga 2025. Perkara tersebut membuktikan pengaruh maklumat di media dapat mempengaruhi tingkah laku masyarakat lebih-lebih lagi maklumat yang tidak dibuktikan kesahihannya. Penyebaran maklumat berkenaan politik juga tidak terkecuali dalam hal ini. Perkara tersebut mampu mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran masyarakat disebabkan media juga adalah agen sosialisasi politik. Almond dan Verba (1963) menyatakan bahawa sosialisasi adalah proses di mana seseorang itu menerapkan sikap, norma, tingkah laku dan nilai dalam politik.

Dalam erti kata lain, penyebaran ideologi dan naratif buruk di media sosial akan memburukkan lagi budaya politik dalam sesebuah masyarakat. Kesannya, Pilihan Raya Umum ke-13 menunjukkan perubahan ketara apabila Barisan Nasional kehilangan dominasi di kawasan bandar utama manakala parti-parti pembangkang mula mendapat tempat. Fenomena ini dikenali sebagai "tsunami politik bandar" serta banyak dipacu oleh akses kepada media alternatif dan sokongan daripada pengundi profesional serta pengundi bandar Cina (Junaidi et al., 2023).

b) Konsep Budaya Politik Melayu

Almond dan Verba (1963) menggambarkan budaya politik melalui tiga bentuk. Pertama adalah budaya politik parokial yang bermaksud masyarakat tidak mempunyai maklumat berkenaan politik dan tidak terlibat dalam politik. Selain itu ialah budaya politik subjek yang merujuk kepada masyarakat yang hanya menerima maklumat politik daripada sebelah pihak sahaja tanpa mempersoalkan keabsahan maklumat tersebut. Ketiga adalah budaya politik partisipan yang merujuk kepada masyarakat yang mengambil tahu serta mempunyai kesedaran mengenai politik.

Noor Sulastry (2014) pula mengatakan bahawa budaya politik terbahagi kepada tiga aspek iaitu kognitif di mana masyarakat mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap sistem politik. Aspek kedua adalah efektif yang mana merujuk kepada perasaan manusia terhadap sistem politik. Aspek ketiga dikenali sebagai evaluasi yang membawa maksud penilaian terhadap kerajaan melalui informasi yang diperolehi. Ketiga-tiga aspek ini menumpukan kepada nilai yang dibentuk oleh masyarakat terhadap politik. Meskipun terdapat tafsiran yang berbeza, namun kedua-dua pandangan ini merujuk kepada aspek nilai, sikap dan pemahaman masyarakat terhadap politik.

Dalam konteks masyarakat Melayu, budaya politik telah berkembang ke arah yang lebih aktif pada masa kini. Zawiyah (2021) menyatakan bahawa budaya politik Melayu telah berubah daripada politik parokial kepada politik partisipan. Salah satu faktor perubahan tersebut adalah kemunculan media massa dan media sosial. Kedua-dua alat ini telah pencetus kepada perubahan hidup masyarakat termasuk politik. Media menjadi bahan untuk mendapatkan maklumat serta tempat untuk mengkritik pemerintah. Menurut Wong (2008), penggunaan media alternatif dalam politik telah mewujudkan budaya politik baru. Pada era 90 an, portal berita atas talian mula mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.

Kemunculan media tersebut membuka ruang kepada masyarakat untuk mendekati politik. Antaranya melalui portal Malaysiakini yang berfungsi untuk menyampaikan isu dan kritikan terhadap demokrasi, hak asasi manusia dan kebebasan bersuara (Steele, 2023). Kewujudan platform ini seterusnya mengubah budaya politik Melayu yang sebelum ini menerima maklumat politik daripada sumber kerajaan semata-mata. Walau bagaimanapun, usaha untuk mewujudkan lebih banyak portal berita yang mampu menarik minat pembaca terhadap isu semasa menjadi semakin berkembang sehingga ke hari ini. Situasi ini meningkatkan lagi keterlibatan masyarakat dalam politik negara. Menurut Muhamad Takiyuddin (2011), perkembangan media dan teknologi membuatkan budaya politik tidak lagi dilatari oleh soal perkauman dan nasionalisme yang sempit. Perkara tersebut juga merangkumi skop yang lebih luas yang melibatkan isu-isu sejagat seperti keadilan sosial, tadbir urus yang baik, akauntabiliti dan hak asasi manusia. Oleh kerana itu, isu-isu tersebut akan melatari media untuk dijadikan rujukan kepada masyarakat dalam memilih pemimpin.

METODOLOGI

Penulisan kajian menggunakan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analysis (PRISMA)* yang telah dikemaskini semula pada tahun 2020 (Page et al., 2021). Kajian menggunakan empat proses utama PRISMA iaitu *identification* (pengenalpastian), *screening* (penapisan), *eligibility* (kelayakan) dan *inclusion* (penerimaan).

a) Pengenalpastian

Kajian menetapkan sebanyak tujuh kata kunci bagi memperluaskan carian. Persoalan yang dibina akan menjadi asas dalam mengenalpasti bahan-bahan yang sesuai. Perkataan yang sinonim dengan kata kunci juga digunakan bagi mendapatkan bahan dengan lebih banyak. Kajian ini memilih tiga pangkalan data yang mempunyai autoriti dalam konteks kajian ilmiah. Antaranya ialah Web of Science (WoS), Scopus dan Google Scholar. Rasional pemilihan adalah maklumatnya merangkumi sumber pelbagai bidang, berwibawa dan telah digunakan secara meluas. Xiao. Y. dan Watson. M. (2019) mencadangkan agar pemilihan pangkalan data dipilih lebih daripada satu. Perkara ini disebabkan tiada satu pun pangkalan data yang sepenuhnya lengkap. Carian yang dilakukan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual satu.

Jadual 1: Kata kunci

Bil.	Pangkalan data	Kata kunci	Jumlah
1)	Scopus	TITLE-ABS-KEY "Influence" and "media" or "social media" AND "politics" or "political" AND "Malaysia" or "Malay"	88
2)	Web of Sciene (WoS)	TITLE-ABS-KEY "Influence" and "media" or "social media" AND "politics" or "political" AND "Malaysia" or "Malay"	1,151
3)	Google Scholar	allintitle: "Influence" OR "media" OR "politics" OR "change" OR "Malay" OR "Malaysia"	17,000
Jumlah Keseluruhan			18,239

Berdasarkan hasil pencarian, sejumlah 18,239 bahan telah dikumpulkan yang mana 17,000 daripadanya adalah daripada Google Scholar. Sebanyak 1,151 bahan dikumpul melalui Web of Science manakala 88 lagi bahan daripada pangkalan data Scopus. Pencarian awal ini hanya menggunakan "*search string*" biasa tanpa menetapkan sebarang kriteria bahan. Tujuannya adalah untuk memperluaskan hasil carian meliputi pelbagai bidang.

b) Penyaringan dan Kelayakan

Proses ini berfokus kepada empat kriteria iaitu tahun penerbitan, isu, kawasan dan jenis bahan. Kriteria tahun penerbitan ditetapkan untuk memastikan segala bahan yang diperoleh bersifat terkini dan relevan. Tahun 2018 dipilih disebabkan gelombang politik yang melanda negara pada ketika itu. Kekalahan UMNO sewaktu PRU 14 menjadi isyarat penolakan rakyat terhadap parti tersebut. Jenis bahan pula merangkumi buku, artikel, jurnal, tesis dan kertas persidangan. Penetapan jenis bahan dilakukan untuk mempelbagaikan lagi hasil dapatan menerusi bahan-bahan yang berbeza.


Jadual 2: Kriteria inklusi dan eklusi bahan

Bil	Kriteria	Inklusi	Ekslusi
1.	Tahun penerbitan	2018-2025	2018 ke bawah
2.	Analisis	Etnik Melayu	Gabungan etnik di Malaysia
3.	Kawasan	Malaysia	Luar Malaysia
4.	Jenis bahan	buku, artikel, jurnal, tesis dan kertas persidangan	Bukan buku, artikel, jurnal, tesis dan kertas persidangan

Proses ini mendapati sebanyak ($n = 32$) bahan telah di senarai pendek daripada pangkalan data Scopus, ($n = 27$) daripada WoS manakala ($n = 55$) adalah Google Scholar. Oleh kerana jumlah carian di Google Scholar sangat tinggi, hanya bahan yang menepati kata kunci tajuk sahaja akan diambil. Bahan ditolak pula sebanyak 18, 125 disebabkan tidak menepati kriteria yang ditetapkan seperti di Jadual 2. Bagi proses kelayakan, penilaian dilakukan berdasarkan tajuk, abstrak dan hasil dapatan bagi menjawab persoalan kajian. Bagi mengenal pasti data yang tertumpu pada masyarakat Melayu, kajian menggunakan analisis tematik dengan membandingkan 49 buah kajian sebelum diterima. Perbandingan ini meneliti objektif, metodologi dan hasil dapatan kajian. Perkara ini penting bagi memastikan data yang menjurus terhadap sesebuah populasi dapat dikenal pasti dengan tepat. Kaedah ini digunakan seiring dengan garis panduan PRISMA 2020 (Page et al., 2021) di mana setiap kajian yang ingin menjawab persoalan berkaitan subkumpulan seperti etnik perlu menyediakan analisis yang memisahkan kumpulan tersebut secara sistematik.

c) Penerimaan

Berdasarkan 49 kajian yang dikumpulkan, hanya 15 bahan sahaja yang diterima untuk dianalisis. Hal ini kerana, bahan tersebut memfokuskan secara jelas mengenai masyarakat Melayu manakala 34 bahan lagi menggabungkan analisis kesemua etnik dan bangsa di Malaysia. Meskipun menyentuh masyarakat Melayu, namun analisis tersebut bersifat umum dan tidak sesuai dengan tema kajian yang memfokuskan budaya politik Melayu. Keseluruhan proses PRISMA adalah seperti yang tertera di Rajah 1.



Rajah 1: Sumber diadaptasi daripada PRISMA (2020)

HASIL DAPATAN

Hasil dapatan mengenal pasti sebanyak 15 kajian telah membincangkan pengaruh media terhadap politik Malaysia bermula dari tahun 2018 sehingga 2025. Kajian mengambil kira semua jenis media yang dibincangkan dalam kajian sama ada media cetak, media elektronik dan media sosial. Daripada jumlah tersebut, enam bahan telah diterima daripada pangkalan data *Web of Science*, empat daripada Scopus dan lima bahan daripada Google Scholar. Kesemua bahan yang dikumpulkan ini terdiri daripada kertas persidangan, artikel dan jurnal serta telah diterbitkan. Bagi menjawab persoalan kajian, hasil kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu jurang antara kajian lepas dan analisis tema yang diperoleh daripada kesemua kajian. Berdasarkan penelitian, sebanyak tujuh bahan telah memfokuskan soal masyarakat dan pemimpin politik Melayu. Hasil dapatan adalah seperti yang dinyatakan di jadual tiga.

Jadual 3: Kajian berfokus kepada etnik Melayu

Bil.	Tajuk/Penulis (Tahun)	Data	Objektif	Metodologi	Dapatan
1.	Mohd Irwan & Balqis (2021)	WoS	Menganalisis perkembangan politik etnosentrisme di Malaysia	Kajian menggunakan analisis teks berdasarkan artikel, buku dan jurnal mengenai etnosetrisme	Kajian menunjukkan media berpengaruh dalam mengubah sokongan politik masyarakat Melayu melalui isu yang dibentuk oleh <i>cyber trooper</i> .

2.	Firdaus et al. (2023)	WoS	Kajian ini bertujuan untuk mengkaji teks dan komunikasi yang digunakan oleh Anwar Ibrahim di media sosial	Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis bahan hantaran di laman Twitter (kini aplikasi X) Anwar Ibrahim	Hasil dapatan kajian menunjukkan, terdapat ciapan Twitter yang menyatakan tentang visi dan misi kerajaan serta pendirian politik Anwar Ibrahim. Beliau menegaskan komitmennya untuk mempertahankan institusi sedia ada seperti bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama rasmi negeri dan keistimewaan yang diberikan kepada orang Melayu tanpa mengabaikan bangsa lain.
3.	Mohd Faizal (2024)	WoS	Meneliti platform yang digunakan untuk berkomunikasi tentang politik, cara mereka memahami politik dan bagaimana mereka berinteraksi dengan orang lain di media sosial	Kajian menggunakan kaedah temu bual dalam talian bersama 44 orang pengundi kali pertama dalam kalangan belia Melayu	Kajian mendapati sebanyak 36 daripada 44 responden memilih platform Twitter sebagai medium untuk mendapatkan maklumat politik. Kebanyakan responden dalam kajian ini lebih suka memperoleh maklumat politik secara pasif dan tidak terlibat dalam memberi komen atau berinteraksi dengan berita politik di media sosial
4.	Shafizan (2019)	WoS	Mengkaji hubungan dinamik antara Instagram, penceritaan dan personalisasi ahli politik.	Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis bahan hantaran di laman Instagram Najib Razak	Media mampu mendekati pemimpin dengan masyarakat. Pemimpin politik iaitu Najib Razak menggunakan Bahasa Melayu dalam hantar beliau di Instagram. Beliau memastikan setiap hantaran beliau dapat menarik perhatian orang Melayu disebabkan mereka adalah penyumbang terbesar kepada BN

5.	Dzulpadzli et al. (2025)	WoS	Menganalisis pengaruh berita palsu semasa PRU-14 di media sosial dalam mengubah landskap politik Malaysia	Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian berasaskan analisis kandungan serta temu bual mendalam bersama informan	Pengaruh berita palsu yang disebarkan di media sosial akan mempengaruhi tindakan masyarakat Melayu lebih-lebih lagi yang melibatkan provokasi berlebihan terhadap institusi raja dan agama. Selain itu, isu 1MDB yang melibatkan pemimpin Melayu iaitu Najib Razak menyumbang kepada kegagalan BN sewaktu PRU 14.
6.	Kevin et al. (2021)	WoS	Menganalisis secara sistematik evolusi media baru dari pilihan raya 2008 hingga 2018 yang menyaksikan kebangkitan perkhidmatan pesanan seperti Whatsapp.	Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menjalankan temu bual mendalam bersama lima informan	Kemunculan media baharu seperti Whats app menjadi bahan untuk menakutkan masyarakat. Berita yang disebarkan dalam aplikasi tersebut cuba mengaitkan pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan yang dikatakan berpihak kepada bukan Melayu dan berhasrat untuk mengurangkan keistimewaan dan hak orang Melayu.
7.	Mohd Irwan & Nadhrah (2024)	Scopus	Menjelaskan elemen ketegangan antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina	Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis bahan sekunder seperti video dan catatan media sosial yang dikeluarkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS)	Dapatan menunjukkan PAS menggunakan kandungan berunsur jihad serta ketuanan Melayu di TikTok. Perkara ini mencetuskan semangat nasionalis yang ekstrem sehingga mengubah persepsi masyarakat Melayu terhadap parti bukan Melayu.
8.	Nur Amalina et al. (2021)	Scopus	Mengkaji interaksi pengguna Twitter dan hubungan yang terbentuk dengan Najib Razak	Kajian menumpukan kepada analisis akaun Twitter pemimpin Melayu iaitu Najib Razak	Analisis menunjukkan pengguna Twitter menyebarkan maklumat atau membina naratif yang mencerminkan keterlibatan aktif masyarakat dengan isu politik Melayu melalui akaun Najib Razak.

9.	Matthews & Zain (2020)	Scopus	Mengkaji reaksi rakyat terhadap mesej kempen kerajaan tentang patriotisme dan perpaduan yang dirancang untuk memerangi konflik etnik dalaman di Malaysia.	Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual wakil daripada tiga kaum di Malaysia. Kajian juga menjadikan beberapa kempen gagasan satu Malaysia yang dikeluarkan di televisyen.	Responden Melayu menunjukkan laporan telesvisyen 1 Malaysia dapat meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan, namun menyuarakan kebimbangan bahawa proses penyatuan mungkin mengancam keistimewaan orang Melayu. Menurutnya, walaupun penyatuan boleh diterima, hak-hak istimewa Melayu tidak wajar diganggu kerana Malaysia ialah tanah asal orang Melayu.
10.	Shamsiah et al. (2018)	Scopus	Mengenal pasti emosi positif dan negatif dari video agenda politik yang dikongsikan di Youtube berkaitan perpaduan Melayu berdasarkan pelbagai isu realiti politik Malaysia.	Menemu bual enam informan Melayu berusia 18 hingga 40 tahun	Kajian mendapati video politik di YouTube sangat mempengaruhi emosi orang Melayu. Video berkenaan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) disambut dengan pandangan positif. Namun video demonstrasi BERSIH menghadirkan rasa negatif.
11.	Tan (2022)	Google Scholar	Menganalisis ciri-ciri sosio-politik Generasi Net Malaysia yang bergantung kepada media sosial untuk maklumat politik	Kajian menggunakan soal selidik dalam talian kepada 379 responden yang berumur 18 hingga 24 tahun di universiti tempatan.	Taburan penggunaan platform media sosial bagi mendapatkan maklumat politik dalam kalangan mahasiswa Melayu adalah Facebook (37.2%), Twitter (91.4%), Instagram (79.2%) dan WhatsApp (64.7%).
12.	Nurul Arfah & Junaidi (2024)	Google Scholar	Menganalisis gelagat pengundi PRU-15 di kawasan Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang	Kajian menggunakan kaedah campuran dengan mengedarkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan.	Golongan muda Melayu yang terpengaruh dengan slogan 'Pertahankan Kepimpinan Ulama' melalui aplikasi TikTok dilihat telah berjaya menarik minat untuk mengundi PN berbanding BN dan PH.

13.	Junaidi (2020)	Google Scholar	Menganalisis politik pilihan raya pada PRU-14 dan pasca PRU-14.	Kaedah pengumpulan data primer ialah menggunakan pemerhatian di lapangan manakala kaedah kuantitatif pula menggunakan olahan data keputusan PRU-14 (2018) di Johor	Kemenangan PH berpunca daripada sokongan pengundi Cina dan India di samping pengundi muda Melayu dan sebahagian besar <i>First Time Voters</i> yang dipengaruhi oleh media sosial
14.	Nor Najihah & Junaidi (2023)	Google Scholar	Menganalisis persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Pahang	Kajian menggunakan edaran borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Temu bual dijalankan bersama dengan tiga orang informan Melayu yang berlainan parti.	Hasil kajian mendapati informan akan memeriksa terlebih dahulu maklumat yang tular di media sosial sebelum mengambil sebarang tindakan. Informan juga berpendapat, Pengundi Melayu yang berumur 40 ke atas itu lebih cenderung melihat budi dan jasa kerajaan yang telah disumbangkan kepada mereka.
15.	Siti Hara & Kevin (2024)	Google Scholar	Mengkaji evolusi strategi politik yang digunakan oleh ahli politik dari media konvensional ke media sosial	Kajian menemu bual enam orang informan Melayu yang terdiri daripada ahli politik dan wartawan politik	Kajian mendapati bekas pembangkang di Malaysia iaitu Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan) pantas mengambil peluang dalam menggunakan media baharu dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat di Malaysia. Wartawan politik pula berpendapat, Pakatan Rakyat telah mendominasi sfera siber masyarakat sejak tahun 2008 lagi.

Korpus ilmu mengenai pengaruh media terhadap masyarakat di Malaysia telah dikaji secara komprehensif oleh sarjana Barat dan juga tempatan. Berdasarkan Jadual 3, terdapat jurang antara kajian-kajian lepas dalam membincangkan pengaruh media dalam budaya politik Melayu kontemporari. Dari tahun 2018 sehingga 2025, kajian yang berfokus kepada etnik Melayu adalah terhad. Kebanyakan kajian yang ditemui melibatkan tiga etnik di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Bukan itu sahaja, analisis data yang dibincangkan bersifat menyeluruh tanpa menyatakan secara spesifik kepada sesebuah etnik. Kajian yang berfokus kepada sesebuah etnik penting untuk dilakukan bagi mengembangkan lagi

pemahaman mengenai trend pengundian masyarakat. Kajian mengenai masyarakat Melayu juga penting kerana pengundian mereka akan membawa pengaruh yang besar kepada pembentukan sebuah kerajaan.

PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, perbincangan akan menumpukan kepada beberapa tema. Tujuan tersebut dilakukan adalah untuk mengenal pasti bagaimanakah pengaruh media terhadap perubahan budaya politik Melayu kontemporari. Berdasarkan analisis yang dijalankan, sebanyak tiga tema telah dikenal pasti dalam kajian ini. Antaranya ialah peralihan media maklumat, penyebaran naratif serta perbezaan pemikiran politik. Tema ini akan dibincangkan menggunakan tiga kerangka struktur pengetahuan daripada James W. Potter (2004) iaitu kesan media (*media effect*), kandungan media (*media content*) dan diri sendiri (*the self*). Pemilihan tiga kerangka ini dilihat sesuai bagi membincangkan perkembangan tahap literasi media dalam kalangan masyarakat.

I. Peralihan Media Maklumat

Kemajuan teknologi pada masa kini membuatkan segala maklumat mudah untuk diperoleh. Apa sahaja maklumat yang ingin diketahui mudah untuk dicapai melalui pelbagai platform di dalam internet. Menurut Nurul dan Norhafiza (2023), perubahan dan perkembangan media seperti media sosial boleh membawa perubahan kepada landskap politik sesebuah negara. Perbincangan tema ini dijelaskan dengan dua jenis media iaitu tradisional dan baharu.

a) Media Tradisional

Pada awal tahun 90 an, kebanyakan media yang digunakan adalah televisyen dan surat khabar. Lee et al. (2016) menyatakan bahawa pada tahun 1999, munculnya platform berita atas talian yang tidak pro kepada kerajaan. Kemunculan media alternatif lain ini menjadi pencetus kepada peralihan dalam mendapatkan maklumat politik yang lebih seimbang. Walau bagaimanapun, platform tersebut tidak mendapat sambutan apabila pembangkang gagal untuk meraih sokongan. Pada tahun 2008, golongan belia mula menggunakan internet dan blog sebagai satu medium dalam membincangkan hal politik (Nur Ellyanis & Junaidi Awang, 2020). Walau bagaimanapun, era kontemporari menunjukkan sumber maklumat telah beralih kepada media baharu yang dilihat lebih interaktif dan fleksibel untuk digunakan.

Siti Hara dan Kevin (2024) mengkaji berkenaan evolusi strategi yang digunakan oleh ahli politik di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan peralihan daripada media konvensional kepada media sosial. Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan) telah mengubah landskap penyebaran maklumat kepada media baharu. Menurut informan dalam kajian ini, Pakatan Rakyat telah mendominasi sfera siber dan mempengaruhi pemikiran masyarakat sejak tahun 2008 lagi. Strategi yang dilakukan ini secara tidak langsung menjadi pencetus kepada kebangkitan politik masyarakat Melayu dalam mengenali sisi sebenar politik Malaysia. Situasi ini juga menyebabkan masyarakat beralih kepada media baharu yang dilihat lebih fleksibel untuk mengetahui isu-isu terkini dalam politik.

b) Media Baharu

Kajian Shafizan (2019) mengkaji penglibatan masyarakat dalam laman Instagram ahli politik daripada aspek penceritaan dan perwatakan dalam media sosial. Kajian dilakukan secara kualitatif terhadap 94 bahan hantaran Najib Razak dari Mac 2018 hingga Januari 2019. Hasil kajian mendapati penglibatan masyarakat sangat positif apabila pengguna memberi respon

kepada setiap hantaran yang dikongsikan. Dalam konteks kajian ini, pemimpin politik iaitu Najib Razak menggunakan Instagram untuk menyampaikan maklumat dan juga aktiviti hariannya. Hal ini menunjukkan penglibatan positif masyarakat pada ketika itu. Selain itu, beliau menggunakan Bahasa Melayu dalam setiap hantarannya untuk menarik perhatian masyarakat Melayu yang mana memberi pengaruh besar dalam pengundian BN.

Nur Amalina et al. (2021) pula meneliti interaksi pengguna Twitter melalui akaun Najib Razak. Kajian ini menggunakan analisis kandungan dengan kaedah *Social Network Analysis* (SNA). Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu banyak melibatkan diri dalam memberi pandangan dan memberi respon melalui hantaran Najib Razak di aplikasi Twitter. Analisis kajian menunjukkan beliau merupakan salah seorang pemimpin Melayu yang mempunyai pengaruh yang tinggi di aplikasi Twitter diikuti beberapa pemimpin lain seperti Syed Saddiq, Anwar Ibrahim dan Zahid Hamidi. Pengaruh ini diukur melalui ciapan ('*tweet*') berkenaan pandangan peribadi berdasarkan isu semasa yang sedang berlaku. Pengaruh yang dibina ini menunjukkan aplikasi Twitter menjadi salah satu platform baru dalam menyebarkan dan mendapatkan maklumat pada masa kini.

Perkara yang sama juga dilihat dalam kajian Tan (2022) yang mana menganalisis ciri-ciri sosiopolitik generasi net Malaysia. Menurut Tapscott (2009), generasi net merupakan gelaran yang diberi kepada generasi yang menyaksikan kewujudan komputer, internet dan teknologi digital lain yang akhirnya menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Dapatan kajian mendapati, penggunaan aplikasi Twitter untuk mendapatkan maklumat politik adalah tinggi dengan mencatatkan peratusan sebanyak 91.4%. Peratusan tersebut jelas menunjukkan bahawa aplikasi Twitter menjadi platform baharu dalam kalangan mahasiswa Melayu di universiti tempatan. Ini kerana aplikasi tersebut banyak digunakan oleh ahli politik dalam menyampaikan maklumat kepada generasi muda masa kini. Penglibatan tersebut meningkatkan lagi kesahihan maklumat yang diperolehi jika dibandingkan dengan aplikasi lain.

Peralihan zaman sekali lagi menunjukkan perkembangan penggunaan media sosial untuk mendapatkan maklumat berkenaan politik. Nurul Arfah dan Junaidi (2024) menumpukan tentang gelagat pengundi sewaktu PRU 15 di Pahang. Hasil dapatan kajian sarjana ini mendapati golongan muda Melayu terdedah kepada penggunaan aplikasi TikTok dalam kehidupan harian. Sewaktu kempen PRU 15, PN banyak menghasilkan kandungan (*content*) yang mampu menarik minat pengundi Melayu muda. Penggunaan aplikasi TikTok sedikit berbeza dengan aplikasi yang lain. Hal ini kerana, aplikasi TikTok bersifat "*endless scrolling*" yang membolehkan pengguna melayari video tanpa batas (Scherr & Wang, 2021). Strategi yang dilaksanakan oleh PN telah berjaya menarik minat pengundi muda Melayu berbanding dengan BN dan PH. Menurut kajian, penggunaan platform digital baru seperti TikTok merupakan salah satu contoh yang mempengaruhi tingkah laku pengundi dalam membuat keputusan bagi memilih kerajaan. Maklumat yang dilihat ini secara tidak langsung menjadi rujukan buat mereka dalam menentukan pengundian terhadap calon.

Berdasarkan teori literasi media (Potter, 2004), peralihan media maklumat memberi kesan (*media effects*) kepada penglibatan masyarakat Melayu. Jika dahulu masyarakat bergantung dengan maklumat yang disiarkan di televisyen dan akhbar yang terikat dengan pelbagai agenda. Kini, peralihan kepada media baharu seperti Instagram, Facebook, X dan TikTok yang lebih pantas dan terbuka dapat meluaskan lagi pemahaman masyarakat terhadap wacana politik. Kesan media ini dapat dilihat menerusi tingkah laku masyarakat Melayu yang semakin aktif memberikan reaksi dan pandangan kepada setiap hantaran yang dikongsi oleh

seseorang pemimpin. Dalam prinsip budaya politik, penglibatan ini jelas menunjukkan masyarakat Melayu mengambil tahu serta mempunyai kesedaran tentang politik.

II. Penyebaran Naratif Politik

Naratif merupakan pandangan atau penjelasan yang dibina bagi mempengaruhi seseorang dalam memahami sesuatu isu. Penyebaran naratif melalui media telah lama berlaku dan secara tidak memberi kesan kepada penerimaan masyarakat Melayu. Kajian menemui sebanyak enam kajian yang menyentuh berkenaan penyebaran naratif politik. Perbincangan bahagian ini juga dibahagikan kepada media tradisional dan baharu bagi memudahkan penerangan.

a) Media Tradisional

Berdasarkan bahan yang diterima, beberapa kajian telah menunjukkan pembentukan naratif yang diwujudkan melalui media tradisional. Ilyas et al. (2018) menyatakan UMNO menjadi punca kekalahan PAS pada 1986 dengan menjadikan isu Parti Allah sebagai modal kempen. Penyebaran naratif melalui media tradisional begitu pesat pada ketika ini kerana dianggap sebagai sumber utama masyarakat. Perkara ini menyukarkan blok pembangkang apabila kebanyakan media tradisional dikatakan banyak dikawal oleh kerajaan sehingga menenggelamkan peluang untuk mendominasi sesebuah isu.

Matthews dan Zain (2020) mengkaji reaksi masyarakat terhadap mesej kempen kerajaan tertentu tentang patriotisme dan perpaduan melalui gagasan 1 Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual seramai tiga orang informan yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India. Berdasarkan hasil dapatan kajian, informan Melayu menyatakan penyebaran naratif melalui televisyen mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia. Walau bagaimanapun, informan tetap menyatakan kebimbangannya terhadap gagasan ini yang dilihat sebagai langkah penyatuan dan mungkin akan mengancam hak keistimewaan orang Melayu. Namun begitu, penyatuan ini tetap diterima baik selagi mana tidak menyentuh dan mencabuli keistimewaan yang telah sekian lama termaktub.

b) Media Baharu

Kevin et al. (2021) mengkaji secara sistematik tentang evolusi media bermula dari pilihan raya 2008 hingga 2018. Hasil kajian mendapati, kemunculan aplikasi WhatsApp telah digunakan sebagai bahan untuk menakutkan masyarakat. Sarjana ini berpendapat, berita yang disebarkan dalam aplikasi tersebut berkaitan pemerintahan PH. Antara berita yang banyak diperbincangkan adalah pemerintahan PH dikatakan akan mengurangkan hak keistimewaan masyarakat Melayu. Naratif ini dibina dan disebarkan bagi menimbulkan kegusaran kepada masyarakat Melayu. Penyebaran maklumat tersebut menyukarkan masyarakat Melayu dalam membuat pemilihan terhadap sesebuah parti. Mohd Irwan dan Balqis (2021) pula mengkaji perkembangan politik melalui konsep etnosentrisme di Malaysia. Dapatan kajian ini juga menyentuh berkenaan masyarakat Melayu apabila media mampu mempengaruhi sokongan politik. Penyebaran isu yang dibentuk oleh *cyber troopers* telah menyebabkan tewasnya BN meskipun andaian awal menyebelahi mereka. Perkara ini secara tidak langsung membuktikan bahawa naratif yang disebarkan mampu meruntuhkan segala andaian dan pemahaman terhadap sesebuah parti politik.

Penyebaran naratif juga dibincangkan oleh Firdaus et al. (2023). Kajian sarjana ini tertumpu pada kandungan yang dikongsikan oleh Anwar Ibrahim. Hasil kajian mendapati bahawa ciapan yang dikongsikan oleh beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia memberikan keyakinan masyarakat terhadap kepimpinannya. Dalam ciapan tersebut, beliau menyatakan tentang visi dan misi serta pendirian politiknya kepada masyarakat. Beliau menerangkan komitmennya untuk mempertahankan institusi sedia ada seperti Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama rasmi negeri dan keistimewaan yang diberikan kepada orang Melayu tanpa mengabaikan bangsa lain. Hantaran tersebut sedikit sebanyak menambahkan keyakinan masyarakat Melayu yang sebelum ini terdedah dengan naratif buruk sekiranya beliau memegang tampuk pemerintahan.

Selain itu, Mohd Irwan dan Nadhrah (2024) menjelaskan tentang elemen yang tersembunyi yang menyebabkan berlakunya ketegangan antara masyarakat Melayu dan Cina. Kajian tersebut menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis bahan hantaran di media sosial parti PAS dan juga Parti Tindakan Demokratik (DAP). Dapatan kajian menunjukkan bahawa PAS menyebarkan kandungan berunsur jihad dan ketuanan Melayu. Naratif yang dibina ini mencetuskan semangat nasionalis yang ekstrem kepada masyarakat Melayu. Berdasarkan hasil dapatan tersebut, naratif yang dipandu oleh PAS menghadirkan persepsi kurang baik terhadap parti lain. Meskipun begitu, naratif tersebut tetap mendapat sokongan masyarakat Melayu dan semakin meluas dengan adanya media sosial.

Kajian Dzulpadzli et al. (2025) menumpukan kepada pengaruh berita palsu sewaktu PRU 14 di media sosial. Kajian ini mendapati bahawa berita palsu yang disebarkan akan mempengaruhi tindakan masyarakat Melayu. Perkara tersebut mendatangkan kesan yang lebih parah apabila maklumat yang disebarkan berbentuk provokasi berlebihan kepada institusi raja dan agama. Isu yang melibatkan 3R iaitu raja, agama dan kaum sememangnya akan mengubah tindakan dan persepsi terhadap politik, ekonomi dan sosial. Menurut Nor Azizah (2025), isu 3R diumpamakan sebagai strategi perang baharu yang boleh memusnahkan negara melalui hujung jari. Menurut kajian ini juga, masyarakat Melayu Islam akan mula bertindak melalui demonstrasi di jalanan. Situasi ini mengganggu kestabilan politik negara kerana aktiviti demonstrasi disebarkan melalui media sosial memperlihatkan kepincangan dan huru-hara yang berlaku dalam negara.

Merujuk kepada kerangka kandungan media (*media content*) oleh Potter (2004), maklumat atau isu yang dikongsikan mampu membentuk emosi dan moral masyarakat. Di Malaysia, maklumat politik berpotensi sebagai medium keharmonian dan perpecahan dalam negara. Berdasarkan beberapa kajian yang dikumpulkan, pelbagai naratif telah dibina untuk menimbulkan ketegangan dan kegusaran antara kaum. Walau bagaimanapun, kandungan yang dicipta sememangnya tidak terlepas daripada unsur tersebut meskipun berlaku peralihan media maklumat. Walau bagaimanapun, isu seperti 3R menjadi titik permulaan kepada reaksi masyarakat Melayu sehingga mampu mencetuskan perbalahan di ruangan media. Namun begitu, reaksi masyarakat Melayu terhadap kandungan media pada masa kini adalah sangat tinggi dan mampu memberi kesan kepada percaturan politik.

III. Perbezaan Pemikiran Politik

Sebelum kepesatan penggunaan media baharu, masyarakat lazimnya hanya menerima maklumat dan dasar kerajaan tanpa mempersoalkan tindakan dan keputusan kerajaan (Zawiyah 2021). Perkara ini juga dibincangkan dalam beberapa kajian yang dikumpulkan. Shamsiah Abd Kadir et al. (2018) menilai emosi positif dan negatif melalui bahan politik yang

dikongsikan di YouTube. Dapatan menunjukkan bahawa informan mempunyai tanggapan yang negatif terhadap video demonstrasi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan pandangan terhadap demonstrasi masih terbatas dalam kalangan masyarakat. Daripada aspek budaya politik Melayu, perkara tersebut dianggap mengganggu keharmonian dan menentang norma tradisional yang menekankan ketertiban dalam apa jua keadaan.

Kajian Junaidi (2020) pula memberi fokus kepada perubahan politik pada PRU 14 dan pasca PRU 14 di Negeri Johor. Hasil kajian mendapati kemenangan PH adalah daripada sokongan pengundi Cina, India serta pengundi muda Melayu. Sebahagian besar daripada mereka merupakan *first time voters* yang telah terdedah dengan media sosial. Berdasarkan kajian ini, peralihan sokongan kepada PH mencerminkan bahawa sebahagian masyarakat Melayu (khususnya belia) sudah mula keluar daripada pemikiran politik tradisional yang berasaskan kesetiaan kepada parti dominan (UMNO/BN). Sewaktu PRU 14, media sosial telah digunakan secara meluas bagi mendedahkan isu-isu seperti 1MDB, *Good and Services Tax* (GGST) dan rasuah yang akhirnya mengubah penilaian politik mereka.

Perkembangan budaya politik Melayu juga dibincangkan dalam dapatan Najihah dan Junaidi (2023). Dapatan kajian menunjukkan informan akan memeriksa terlebih dahulu maklumat yang tular di media sosial. Informan kajian ini juga akan memastikan setiap isu di kawasanya bebas daripada sebarang berita palsu yang akan menjejaskan masyarakat. Berdasarkan hasil kajian tersebut, masyarakat Melayu tidak lagi menerima sesuatu maklumat secara pasif tanpa memeriksanya. Sikap tersebut menggambarkan peningkatan tahap literasi media dan pemikiran politik masyarakat Melayu yang semakin matang menilai maklumat.

Walau bagaimanapun, berbeza dengan kajian Mohd Faizal (2024). Sarjana ini mengkaji platform yang digunakan oleh mahasiswa Melayu di universiti awam untuk membincangkan dan kefahaman mereka terhadap isu politik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa golongan ini lebih suka memperoleh maklumat politik secara pasif serta tidak melibatkan diri untuk memberi pandangan terhadap berita politik di media sosial. Meskipun penyertaan dilihat pasif, namun golongan belia ini juga telah terdedah dengan maklumat politik di media sosial. Pendedahan ini sedikit sebanyak bakal membuka sudut pandang mereka terhadap politik negara.

Merujuk kepada kerangka diri sendiri (*the self*), masyarakat Melayu mempunyai pelbagai sudut pandangan terhadap sesuatu isu yang dipaparkan di media. Kepelbagaian penerimaan ini menunjukkan penglibatan masyarakat pada masa kini semakin berkembang. Berdasarkan kajian yang dikumpulkan, pandangan masyarakat Melayu terhadap aktiviti dan isu politik adalah luas. Perkara tersebut menunjukkan nilai budaya Melayu yang menitikberatkan keharmonian terutamanya dalam memberikan reaksi pada isu politik. Pendedahan terhadap media baharu telah mengubah sudut pemikiran masyarakat Melayu yang kini mula meninggalkan politik tradisional berasaskan kesetiaan terhadap parti semata-mata. Dalam kerangka diri sendiri, faktor pengalaman politik dan pendidikan akan menentukan bagaimana mereka bertindak balas terhadap sesuatu maklumat di media. Jika tinggi pendedahan mengenai politik, maka semakin tinggi kebolehan untuk menilai kesahihan sesebuah maklumat yang disebar. Namun begitu, pengalaman ini tidak akan berkesan sekiranya individu tersebut tidak mempunyai literasi media dalam menilai sesebuah isu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, perkembangan budaya politik Melayu telah dipengaruhi oleh pelbagai jenis media sama ada berbentuk tradisional mahupun baharu. Berdasarkan analisis kajian ini,

pengaruh media membawa kepada peralihan platform maklumat, penyebaran naratif politik serta perkembangan budaya politik Melayu. Ketiga-tiga tema ini menggambarkan bahawa budaya politik Melayu tidak lagi terikat sepenuhnya kepada pendekatan tradisional. Hal ini kerana, perkembangan media baharu telah mewujudkan penerimaan yang berbeza bagi setiap individu. Kajian juga mendapati bahawa pengaruh media bukanlah bersifat mutlak dan sentiasa positif. Media memberikan kesan dualistik terhadap masyarakat yang mampu meningkatkan kesedaran politik serta penglibatan awam tetapi turut berpotensi mencetuskan kekeliruan, sentimen berlebihan dan polarisasi politik. Situasi ini akan berlaku sekiranya diguna tanpa mempunyai literasi media yang mencukupi. Justeru, peningkatan pemahaman dalam kalangan masyarakat Melayu akan menjadi faktor penting yang menentukan sama ada media berperanan sebagai alat pembinaan budaya politik yang matang atau sebaliknya. Sekiranya pendedahan dan literasi masyarakat terhadap media masih di takuk sama, maka negara akan berterusan menghadapi ketegangan politik yang mengganggu keharmonian negara.

BIODATA

Muhammad Aqil Sharullizam merupakan pelajar Doktor Falsafah dalam Pengurusan dan Persembahan Seni di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 43600 UKM Bangi, Selangor. E-mel: p153395@siswa.ukm.edu.my

Dr. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 43600 UKM Bangi, Selangor. Bidang kepakaran beliau adalah Sosiobudaya dan Pengajian Warisan. E-mel: yuszaidy@ukm.edu.my

Dr. Muammar Ghaddafi Hanafiah merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 43600 UKM Bangi, Selangor. Bidang kepakaran beliau adalah Pemikiran, Falsafah dan Peradaban Melayu-Islam. E-mel: muammar@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Adibah Yasmin Alias, & Jamaie Haji Hamil. (2023). Keberkesanan strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke 15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan golongan Islamis. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(4), 451-473. <https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5004.05>
- Almond, G. A., & Verba, S. (1963). *The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations*. Princeton.
- Dobratz, B., Waldner, L., & Buzzell, T. (2012). *Power, Politics, and Society: An Introduction to Political Sociology*. Pearson.
- Dzulpadzli Shaarin, Sity Daud, & Normah Mustaffa. (2025). Pengaruh berita palsu Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) di media sosial terhadap landskap politik Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 41(1), 216-237.
- Firdaus Muhammad, Andi M. Faisal Bakti, Md Rozalafri Johori, & Sadhriany Pertiwi Saleh. (2023). Political communication of the Prime Minister of Malaysia Anwar Ibrahim on Twitter. *Jurnal Ilmu Pemerintahan*, 13(3), 364-376.
- Harian Metro. (2025, February 28). #infografik usaha tangani fitnah, hasutan dan ucapan kebencian dalam media sosial [Image attached] [Status update]. Facebook. <https://www.facebook.com/harianmetro/posts/infografik-usaha-tangani-fitnah-hasutan-ucapan-kebencian-dalam-media-sosial/1069391415217730/>
- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil, & Sity Daud. (2018). Politik baru pasca PRU Ke-10: Analisis terhadap transformasi budaya politik Melayu Terengganu. *Jurnal Insani*, 3(1), 67-74. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.26>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2023. Statistik akses internet dan telefon bimbit. <https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/digital-economy>
- Matthews, J., & Zain, H. B. (2020). Creating onenation? Ethno-national imaginaries, audiences and the critical reception of TV nation branding messages. *Nations and Nationalism*, 28(4), 1296–1310. <https://doi.org/10.1111/nana.12829>
- Junaidi Awang Besar. (2020). PRU-14 dan pasca PRU-14: Analisis politik di negeri Johor Darul Takzim. *Journal of Social Sciences*, 17(5), 81-98. <https://journalarticle.ukm.my/15166/>
- Kevin Fernandez, Marwan Ismail, & Ravindaran Maraya. (2021). Is WhatsApp free of the elites: The 2018 General Elections in Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(4) 123-136. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1704-09>
- Lee, K. T., Aisah Meri, Liana Mat Nayan, & Siti Suriani Othman. (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 32(2), 790-816.
- Marshelayanti Razali, & Nafisah Ilham. (2021). Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 63-77.
- Mohd Faizal Kasmani. (2024). Social media as an online public sphere: A study among the first-time Malay Voters. *Kajian Malaysia*, 42(2), 29–50.
- Mohd Irwan Syazli Saidin, & Balqis Bazilah Othman. (2021). Perkembangan politik Malaysia pasca PRU-12: Satu tinjauan menerusi perspektif etnosentrisme. *Akademika*, 91(3), 53-62. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9103-05>
- Mohd Irwan Syazli Saidin, & Nadhrah Azrun. (2024). Digital media and religious sentiments in Malaysia: Critical discourse analysis of pan-Malaysian Islamic Party and democratic action party cyberspace campaigns in the 15th General Election. *Religions*, 15, 920. <https://doi.org/10.3390/rel15080920>

- Mohd Rahimi Ramli, Mazli Mamat, Abdul Hadi Samsi, Faezah Kassim, & Mohd Syariefudin Abdullah. (2024). Sumber maklumat dan dinamika politik masyarakat di Dun Sungai Bakap, Pulau Pinang. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 9(38). 311-325. <http://doi.org/10.35631/IJLGC.938020>
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2011). *Konservatisme dalam politik UMNO*. Penerbit UKM.
- Najihah Zafari, & Junaidi Awang Besar (2023). Persepsi pengundi terhadap isu politik di kawasan DUN Muadzam Shah, Rompin, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(2), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/530>
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2014). *Hegemoni Budaya Politik Melayu*. Penerbit UKM.
- Nor Azizah Mokhtar. (2025, Mac 12). Isu 3R umpama 'strategi perang baharu', boleh musnahkan negara – KPN. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1371810/isu-3r-umpama-strategi-perang-baharu-boleh-musnahkan-negara-kpn>
- Nur Amalina Diyana Suhaimi, Syaza Iffah Mohammad Salleh, Siti Amanina Farhanah Abdul Hakim, Pritheega Magalingam, Nurazeen Maarop, & Mohana Shanmugam. (2021). Malaysian politicians' connection pattern on Twitter using SNA: A Case of Najib Razak. *International Congress of Advanced Technology and Engineering (ICOTEN)*, 1-10. <https://ieeexplore.ieee.org/document/9493501>
- Nur Ellyanis Mohd Basori, & Junaidi Awang Besar. (2020). Pengaruh media terhadap sokongan kepada parti politik di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 62-80. <https://journalarticle.ukm.my/15165/1/40031-127384-1-SM.pdf>
- Nurul Arfah Rosli, & Junaidi Awang Besar. (2024). Gelagat pengundi dalam PRU-15 di kawasan DUN Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(2), 1-19. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/581>
- Nurul Iwan, & Norhafiza Mohd Hed. (2023). Definisi dan tipologi istilah politik laskar siber di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(3), 81-100. <https://journalarticle.ukm.my/22994/>
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., ... & Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ*, 372, n71. <http://dx.doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Potter, W. J. (2013). *Media Literacy* (6th ed.). California: Sage Publication.
- Roslizawati Taib, & Benny Thomas Vivian. (2022). Post 14th GE: The impact of social media on Malaysia's political landscape. *Internasional Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 761-772. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i6/14033>
- Scherr, S., & Wang, K. (2021). Explaining the success of social media with gratification niches: Motivations behind daytime, nighttime, and active use of TikTok in China. *Computers in Human Behavior*, 124, 1-9. <http://doi.org/10.1016/J.CHB.2021.106893>
- Shafizan Mohamed. (2019). Najib Razak's political storytelling on Instagram: The fall of a government and the rise of an opposition leader? *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 11(3), 71-89.
- Shamsiah Abd Kadir, Anitawati Mohd Lokman, & Mokhtar Muhammad. (2018). Identification of positive and negative emotion towards political agenda videos posted on YouTube. *KEER*, 739, 758-767. https://doi.org/10.1007/978-981-10-8612-0_79
- Siti Hara Rashid, & Kevin Fernandez. (2024). The evolving social media strategies of politicians in Malaysia: A critical review. *Malaysian Journal of Society and Space*, 20(1), 174-188. <https://doi.org/10.17576/geo-2024-2001-11>

- Steele, J. (2023). *Malysiakini and the Power of Independent Media in Malaysia*. NUS Press. <https://doi.org/10.2307/jj.6835442.10>
- Tan Jue Jun. (2022). Socio-political characteristics of the Malaysian net generation who use social media for political information: An exploratory analysis. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Works*, 4(11), 15-32.
- Tapscott, D. (2009). *Grown up digital: How the Net Generation is changing your world*. McGraw Hill Professional.
- Tapsell, R. (2020). 6 big data campaigning. In M. L. Weiss & F. S. Hazis (Eds.), *Towards a New Malaysia? The 2018 Election and its Aftermath* (pp. 111-130). NUS Press Singapore.
- Wong, S. L. (2008). *The Malaysia Internet*. Longman.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112. <https://doi.org/gcskzk>
- Ye, J., Luceri, L., & Ferrara, E. (2024). *Auditing political exposure bias: Algorithmic amplification on Twitter/X approaching the 2024 U.S. presidential election*. <https://dx.doi.org/10.2139/ssrn.5018879>
- Zawiyah Mohd Zain. (2021). Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 297-311. <https://doi.org/q9ms>